

SISTEM GURU TERLATIH CAPAI MATLAMAT DALAM 4 TAHUN

SR - 4 OKT 1975

Kuala Lumpur, Jumaat: Kementerian Pelajaran akan memperkenalkan semula sistem 'guru terlatih' dalam usaha untuk memastikan matlamat melatih 12,000 orang guru dalam tempoh empat tahun tercapai.

Memberitahu demikian kepada SR dalam satu pertemuan di pejabatnya di sini, menteri berkenaan Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kementerian akan mendirikan pusat latihan untuk guru-guru itu di tiap-tiap negeri.



DR. MAHATHIR

Menurut beliau projek tersebut dijangka akan menelan belanja berjuta-juta ringgit.

Katanya, dengan sistem itu dan pusat-pusat latihan perguruan yang ada sekarang, kementerian

menjangka dapat mengeluarkan kira-kira 4,000 orang guru tiap-tiap tahun.

Beliau memberitahu, rancangan untuk mewujudkan sistem tersebut pada dasarnya telah diterima oleh pihak Perbendaharaan Malaysia.

Dr. Mahathir kemudiannya menyatakan di samping mewujudkan sistem tersebut, Kementerian pelajaran juga akan memperluaskan pusat-pusat latihan perguruan yang ada sekarang.

"Ini terpaksa dilakukan kerana pengambilan guru-guru untuk dilatih dalam tempoh empat tahun ini bertambah dari tahun lalu," ujarnya.

NEGARA

Beliau menarik perhatian, walaupun kerajaan telah mengeluarkan arahan supaya dibekukan pengambilan kakitangan buat sementara kerana negara menghadapi kemerosotan ekonomi.

"Tetapi masalah pengambilan kakitangan perguruan akan terus dilakukan kerana kekurangan tenaga guru," ujarnya.